



## SIARAN AKHBAR BERSAMA

### JERAYAWARA KESEDARAN KEWANGAN NSD 2024 DI SEKOLAH RENDAH SUNGAI TALI, LUMUT

**Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut  
Belait**

**Selasa, 4 Zulhijjah 1445H bersamaan 11 Jun 2024M**

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan Kementerian Pendidikan (MOE) telah menganjurkan Jerayawara Kesedaran Kewangan yang kedua di Sekolah Rendah Sungai Tali, Lumut, Belait pada hari Selasa, 4 Zulhijjah 1445H bersamaan 11 Jun 2024M. Jerayawara tersebut dijayakan dengan kerjasama Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Baiduri Bank, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), dan Insurans Islam TAIB Family Takaful Sdn Bhd.
2. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Mulia Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan. Turut hadir ialah pegawai-pegawai kanan daripada MOE dan BDCB.
3. Seramai lebih 430 pelajar dari Tahun 3 hingga Tahun 5 dari sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta di bawah Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama telah ikut serta dalam jerayawara tersebut. Para pelajar berpeluang untuk belajar mengenai topik-topik kewangan seperti menabung, takaful dan insurans, perancangan persaraan dan perlindungan pengguna kewangan melalui aktiviti-aktiviti interaktif.
4. Sebanyak tiga lagi jerayawara akan diadakan sempena Hari Menabung Kebangsaan 2024 yang disasarkan bagi penuntut-penuntut di sekolah rendah khususnya dari Tahun 3 hingga Tahun 5. Jerayawara seterusnya akan diadakan di Sekolah Rendah Rataie, Mukim Bokok, Temburong pada 13 Jun 2024, diikuti dengan di Pusat Tingkatan Enam Tutong pada 27 Jun 2024, dan jerayawara terakhir di Pusat Tingkatan Enam Sengkurong pada 3 Julai 2024.
5. Jerayawara Kesedaran Kewangan ini bertujuan untuk meningkatkan tahap celik kewangan serta kefahaman mengenai peranan dan tanggungjawab BDCB. Program jangkauan memastikan pelajar-pelajar dari ke-empat-empat daerah menerima pendedahan awal kepada kemahiran dan pengetahuan pengurusan kewangan yang sesuai dengan usia mereka.
6. Sebuah Pesta Kewangan (*Financial Fun Fair*) juga akan diadakan di Jerudong Park Playground pada bulan Ogos akan datang. Acara ini akan menampilkan pelbagai program dan aktiviti pendidikan kewangan sesuai untuk seisi keluarga.
7. Untuk maklumat lanjut mengenai Hari Menabung Kebangsaan 2024, sila layari laman web BDCB di [www.bdcg.gov.bn](http://www.bdcg.gov.bn) dan ikuti akaun Instagram BDCB, @centralbank.brunei.

#### **Brunei Darussalam Central Bank**

Tarikh: 4 Zulhijjah 1445/ 11 Jun 2024

Rujukan: BDCB/COMMS/3

**Nota kepada editor:**

**Mengenai Hari Menabung Kebangsaan (NSD)**

NSD merupakan acara celik kewangan yang disambut setiap 28 Mei. Acara ini dijalankan di bawah naungan Majlis Kebangsaan Celik Kewangan (MKCK), dan dikelola oleh BDCB.

Antara objektif-objektif utama NSD adalah untuk mempromosikan budaya menabung dan pengurusan kewangan dengan bijak, meningkatkan tahap celik kewangan dan rangkuman kewangan di Negara Brunei Darussalam.

**Mengenai Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)**

Brunei Darussalam Central Bank sentiasa komited untuk mencapai dan mengekalkan sistem kewangan yang kukuh dan dinamik melalui pelaksanaan langkah-langkah dan pembaharuan sektor kewangan, selaras dengan matlamat perkembangan ekonomi negara. Ini termasuk memastikan kestabilan harga domestik; mengekalkan kestabilan sistem kewangan, dengan menggubal peraturan kewangan dan piawaian berhemat; membantu dalam penubuhan, penyelenggaraan dan penyeliaan sistem pembayaran yang cekap; serta menggalakkan dan mengembangmajukan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh dan progresif.